



TEKS UCAP UTAMA

**DATUK SERI HJ. HASNOL ZAM ZAM BIN HJ AHMAD
YANG BERHORMAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PERLIS**

SEMPENA:

TAKLIMAT SEKSYEN 17A, AKTA SPRM 2009

ANJURAN:

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PERLIS

13 JUN 2022 (ISNIN)

3.00 PETANG

**BILIK GUNASAMA,
KOMPLEKS DEWAN UNDANGAN NEGERI PERLIS**

Bismillahirrahmanirrahim

**Assalammualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Selamat Petang,
Salam Sejahtera dan Salam Keluarga Malaysia**

“Raja Berdaulat, Rakyat Berilmu, Negeri Sejahtera, Perlis Maju”

Yang Berusaha Encik Rusdi Bin Yahya

Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (Pembangunan)

Pengurus Besar, Ketua Pegawai Eksekutif

Pengarah-Pengarah Syarikat dan wakil

Pegawai-Pegawai Kanan SPRM

Setiausaha – Setiausaha Bahagian dan Para Pegawai

Seterusnya, para hadirin yang dihormati sekalian

1. Alhamdulillah, segala puji dan syukur dipanjatkan ke hadrat Allah S.W.T selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W serta keluarga dan para sahabat Baginda. Bersyukur kita kerana dengan limpah kurnia serta izinNya, kita dapat bersama-sama berada di dalam sesi Taklimat Seksyen 17A, Akta SPRM 2009 pada petang ini.
2. Terlebih dahulu, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak SPRM negeri Perlis kerana dapat meluangkan masa untuk hadir dan memberi taklimat berkaitan Seksyen 17A, Akta SPRM 2009 kepada Pengurus Besar, Ketua Pegawai Eksekutif, Pengarah – pengarah Syarikat serta wakil anak syarikat di bawah Kerajaan Negeri dan juga Pegawai-Pegawai di Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis.

Yang Berhormat, Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,

3. Kerajaan Negeri sangat tegas dan komited di dalam memerangi ancaman rasuah dan ingin memastikan bahawa semua pegawai awam termasuk juga pegawai-pegawai Kerajaan Negeri, Badan Berkanun serta anak-anak syarikat Kerajaan Negeri sentiasa amanah dalam menjalankan tanggungjawab yang diberikan dengan telus dan penuh berintegriti.
4. Selaras dengan itu, Kerajaan Negeri pada tahun 2021 telah berjaya menghasilkan Pelan Antirasuah Negeri Perlis (PAPs) 2021-2025 seiring dengan hasrat Pelan Antirasuah Nasional (NACP) 2019

yang telah dilancarkan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia bermatlamat untuk membina negara bebas rasuah yang menjunjung prinsip ketelusan, integriti dan akauntabiliti.

Yang Berhormat, Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,

5. Pelan Antirasuah Negeri Perlis (PAPs) merupakan dasar antirasuah yang menunjukkan komitmen Kerajaan Negeri terhadap harapan rakyat supaya negeri Perlis bebas rasuah dan mengamalkan ketelusan, integriti dan akauntabiliti dalam penyampaian perkhidmatan.
6. Pelan ini mengandungi lima (5) bidang keutamaan iaitu Pentadbiran Perkhidmatan Awam, Perolehan Awam, Penyampaian Perkhidmatan Kerajaan, Perundangan dan Kehakiman serta Penguatkuasaan Undang-Undang. Di bawah lima (5) bidang keutamaan ini, sebanyak sembilan (9) strategi dan 98 aktiviti/ inisiatif telah dirancang bagi menjayakan visi dan misi Pelan ini.

Yang Berhormat, Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,

7. Kerajaan Persekutuan telah mewartakan undang-undang berkaitan dengan liabiliti korporat dan Seksyen 17A, Akta SPRM 2009 diperkenalkan dan dikuatkuasakan pada 01 Jun 2020. Secara asasnya, menerusi Seksyen ini, organisasi komersial juga mempunyai liabiliti dan boleh dihukum sekiranya pekerja atau pihak bersekutunya terlibat dengan jenayah rasuah.

8. Selain daripada itu, organisasi komersial juga boleh disifatkan bersalah, dalam keadaan samada pihak pengurusan atasannya atau wakilnya tahu tentang kelakuan rasuah yang dilakukan oleh pekerja atau pihak bersekutunya, ataupun tidak.
9. Jika sesebuah organisasi komersial itu disabitkan kesalahan, hukuman di bawah Seksyen 17A (2) adalah denda tidak kurang 10 kali ganda daripada nilai suapan atau RM1.0 juta, mengikut mana-mana yang lebih tinggi, atau dipenjara sehingga 20 tahun, atau kedua-duanya sekali.
10. Walaubagaimanapun, organisasi komersial boleh membela diri jika dapat menunjukkan bahawa organisasi tersebut mempunyai "tatacara mencukupi" atau juga dikenali sebagai "*Adequate Procedure*" yang telah dilaksanakan bagi mencegah berlakunya rasuah dalam operasi dan aktiviti perniagaan mereka.

Yang Berhormat, Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,

11. Justeru, agensi Kerajaan Negeri beserta anak-anak syarikatnya juga tidak terlepas daripada terkesan dengan penguatkuasaan Seksyen 17A, Akta SPRM ini. Saya berharap semua agensi dan anak-anak syarikat Kerajaan Negeri dapat mengambil perhatian yang serius dalam memastikan Seksyen 17A ini dipatuhi dan mengambil langkah-langkah sewajarnya untuk mencegah daripada berlakunya rasuah dalam operasi dan aktiviti perniagaan.

12. Kerajaan Negeri amat tegas dan komited untuk mengekang amalan rasuah dan salahguna kuasa. Kerajaan Negeri berharap amalan rasuah dapat dibanteras dari berakar umbi di dalam jentera pentadbiran negeri ini. Untuk itu, marilah kita bersama-sama mendengar taklimat yang akan disampaikan oleh pihak SPRM dalam tempoh dua (2) jam ini dan mengambil intipati taklimat di dalam merencanakan langkah-langkah ke arah operasi bebas dari rasuah di jabatan/ syarikat Yang Berhormat, Tuan-Tuan dan Puan-Puan.

13. Akhir kata, dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan ini merasmikan Taklimat Seksyen 17A, Akta SPRM 2009.

Sekian, wabillahitaufik walhidayah wassalamu'alaikum warahmatullaahi wabarakatuh. Terima Kasih.